# KATA – KATA ALUAN NAIB CANSELOR UTeM

# MAJLIS BERBUKA PUASA DAN SUMBANGAN HARI RAYA

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**KATA – KATA ALUAN NAIB CANSELOR UTeM**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WRT. WBT.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT MENJALANI IBADAH PUASA KEPADA SEMUA MUSLIMIN DAN MUSLIMAT. MAJLIS BERBUKA PUASA DAN SUMBANGAN HARI RAYA YANG DIADAKAN INI MERUPAKAN ANJURAN BERSAMA ANTARA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) DENGAN CUBIC ELECTRONICS SDN. BHD. DAN IA TELAH DIADAKAN PADA SETIAP TAHUN DI BULAN RAMADHAN.

TUJUAN UTAMA MAJLIS INI DIADAKAN IALAH SUPAYA KITA DAPAT BERBUKA PUASA BERSAMA-SAMA ANTARA STAF, PELAJAR DAN TETAMU JEMPUTAN LAIN YANG TERDIRI DARI PELBAGAI LAPISAN MASYARAKAT. PIHAK UNIVERSITI JUGA AMAT BERBESAR HATI KERANA TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA, YANG JUGA CANSELOR UTeM, TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB DAPAT TURUT SAMA BERBUKA PUASA PADA MAJLIS INI SETERUSNYA MENYAMPAIKAN SUMBANGAN DAN BANTUAN BAGI PIHAK UNIVERSITI KEPADA ANAK-ANAK YATIM DAN MISKIN SERTA IBU TUNGGAL.

HARAPAN KAMI SEMOGA PEMBERIAN YANG DIHULURKAN INI DAPAT MERINGANKAN MEREKA MENGADAKAN PERSIAPAN HARI RAYA AIDIL FITRI YANG BAKAL MENJELANG. SEMOGA JUGA RAMADHAN YANG DILALUI INI DAPAT MEMBERI KITA KEINSAFAN DIRI UNTUK SALING BANTU MEMBANTU TERUTAMANYA KEPADA MEREKA YANG AMAT MEMERLUKANNYA.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

AKHIR KATA MARILAH KITA SAMA-SAMA BERAZAM AGAR RAMADHAN YANG KITA LALUI PADA TAHUN INI TELAH MENDIDIK KITA MENJADIKAN INSAN YANG BERPERIBADI MULIA. TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA PIHAK URUSETIA, AHLI JAWATANKUASA PROGRAM DAN SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT MENJAYAKAN MAJLIS INI.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

DATUK PROFESOR Ir. ISMAIL BIN HASSAN

NAIB CANSELOR

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka